



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN

**YBRS. PUAN FATIMAH ZURAI DAH BINTI SALLEH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**PROGRAM
PERHIMPUNAN BULANAN JKM
BIL.2/2021**

**31 JULAI 2021
SECARA MAYA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Malaysia Prihatin

Terima kasih saudara pengacara majlis,

SALUTASI

YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak,
Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)

Puan Hezleen binti Hassan,
Pengarah Bahagian Warga Emas selaku
Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Perhimpunan kali ini,

Encik Arfan bin Sulaiman,
Pengarah Bahagian Perancangan selaku
Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjuran Perhimpunan,

Pengarah-Pengarah Bahagian,

Pengarah-Pengarah Negeri,

Semua Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah dan
Ketua Institusi

Semua warga Ibu Pejabat JKM, dan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, para hadirin yang saya
hormati sekalian.

I. PENDAHULUAN

Sidang hadirin yang dikasihi,

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir secara maya di **Perhimpunan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Bilangan 2 Tahun 2021 Jabatan Kebajikan Masyarakat.**
2. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan **syabas dan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Bahagian Warga Emas dan Bahagian Perancangan dan Pembangunan** yang menjadi urus setia bersama dalam penganjuran Perhimpunan Bulanan JKM kali ini. Walaupun terdapat cabaran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta kekangan tugas, Alhamdulillah perhimpunan kali ini dapat juga dilaksanakan secara maya.
3. **Terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pegawai-Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-**

Ketua Institusi serta semua warga JKM yang dapat hadir pada hari ini.

II. **SELAYANG PANDANG**

Sidang hadirin yang dikasihi,

4. Hari ini kita bertemu lagi pada Perhimpunan bulanan JKM kali kedua untuk tahun ini. Mengambil Ibrah dan keberkatan Bulan Zulhijjah sempena dengan Hari Raya AidilAdha atau dipanggil Hari Raya Korban, yang disambut pada 20 Julai 2021 yang lalu, **saya dengan rendah hati ingin mengucapkan terima kasih atas pengorbanan yang telah diberikan oleh semua pegawai dan kakitangan JKM dalam bersama-sama mengharungi cabaran pandemik COVID-19 ini.** Pengorbanan kalian dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti Jabatan adalah amat dihargai. Allah jua yang dapat membalasnya dan saya berharap kita akan terus bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan semua inisiatif yang telah kita garapkan.
5. Dalam situasi sekarang, pandemik COVID-19 yang semakin meningkat bilangan kes hariannya, **saya mohon supaya semua pegawai dan kakitangan JKM mengambil langkah untuk terus mematuhi SOP dan memupuk konsep**

kendiri positif untuk terus mengharungi pandemik ini.
Jaga diri dan jaga kesihatan masing-masing dengan baik. Doa saya buat semua pegawai dan kakitangan Jabatan semoga kita semua terus di dalam lindungan Allah s.w.t jua.

6. Di sebalik dugaan pandemik yang harus kita harungi, JKM hendaklah bergerak seiring dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan rakyat tetap terpelihara. Sepanjang enam (6) bulan pertama 2021, pelbagai aktiviti dan program telah dijalankan mengikut perancangan di dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bagi 2021 dalam memikul amanah yang diberikan kepada JKM. Berdasarkan kepada **pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jabatan Kebajikan Masyarakat Bagi Enam Bulan Pertama 2021,** antara aktiviti dan program yang telah berjaya dicapai adalah:

- i. **Pemantapan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** di mana data dalam SMOKU diintegrasikan dengan data OKU di antara agensi iaitu KPWKM, KKM, KPM dan KSM dapat dilaksanakan;
- ii. **Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu.** Sehingga 30 Jun 2021, sebanyak seputuh (10)

buah PAWE baharu telah diluluskan penubuhannya iaitu tiga (3) di Sabah, dua (2) di Selangor dan Negeri Sembilan manakala setiap satu (1) di Perak, Kelantan dan Pulau Pinang;

- iii. **Pelaksanaan Sesi Libat Urus Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO/PSK)** telah dilaksanakan pada 11 April 2021, dengan penglibatan sebanyak 50 NGO/PSK dan jumlah PSK ini dikurangkan bagi mematuhi pelaksanaan PKP dan SOP COVID-19. Sesi ini adalah satu (1) medium untuk menyelesaikan isu dan masalah yang dihadapi serta membuat penambahbaikan program kebajikan demi kepentingan kumpulan sasar;
- iv. **Pemberian Geran Bantuan Kewangan Kepada Pertubuhan Sukarela kebajikan (NGO/PSK).** Sehingga Jun 2021, sebanyak 203 PSK telah diluluskan peruntukan bagi geran bantuan kewangan (PSK);
- v. **Penubuhan Koperasi Prowell.** Seramai 189 anggota koperasi telah mendaftar sebagai ahli;
- vi. **Projek Rintis Bayaran Bantuan Tanpa Tunai (Cashless).** Seramai 1,281 penerima Bantuan

Persekutuan Baharu telah menyertai projek rintis ini dengan seramai 321 peserta dari JKMN Perlis, 420 peserta dari PKMD Mentakab Tengah, 285 peserta dari PKMD Kota Setar dan 420 peserta dari PKMD Kubang Pasu;

- vii. **Perluasan Tempat Selamat/Tempat Berlindung Bagi Mangsa Keganasan Rumahtangga.** Dua (2) premis telah dikenalpasti iaitu masing-masing satu (1) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak bagi tujuan menjalinkan kerjasama dengan NGO;
- viii. **Pelaksanaan Inspektorat Terhadap Pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak.** Sebanyak 35 institusi kanak-kanak telah melaksanakan inspektorat melalui Kaedah Penilaian Kendiri pada 22 Februari – 12 Mac 2021 dan pelaksanaan Inspektorat Berkala secara atas talian pada 16 Jun – 2 Julai 2021; dan
- ix. **Penyampaian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada Kumpulan Sasar Jabatan.** Sehingga kini seramai 11,268 orang klien telah

menerima perkhidmatan psikologi dan kaunseling di seluruh negara.

7. Melalui kejayaan ini, **saya mengambil kesempatan untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Timbalan Ketua Pengarah (Strategik), Pengarah-pengarah Bahagian, Pengarah-pengarah Negeri, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah, Ketua-ketua Institusi dan seluruh warga JKM** yang telah memberikan komitmen yang padu dalam membantu dan menyokong semua pelaksanaan program Jabatan. Semoga usaha bersama ini mampu untuk membuatkan Jabatan ini menjadi semakin relevan dalam memastikan kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

III. INISIATIF JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SEPANJANG PANDEMIK 2021

Sidang Hadirin yang dikasihi,

8. Sebagai salah sebuah Jabatan yang **dikategorikan sebagai perkhidmatan penting atau “essential services”**, **JKM telah mengorak langkah demi kelestarian perkhidmatan** yang kini berusia 75 tahun penubuhannya. Berikutan pandemik COVID-19 yang sedang dialami di

seluruh Negara, JKM juga tidak terkecuali dalam menghadapi risiko dan cabaran untuk menangani pandemik ini.

9. Justeru, sepanjang tahun 2021, **pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh JKM** bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat seiring dengan praktis kerja sosial yang kompeten. Di antaranya adalah:

i. **PELANTIKAN SEBAGAI PEGAWAI DIBERI KUASA DIBAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT [Akta 342].**

JKM merupakan antara agensi yang telah dilantik sebagai **Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit [Akta 342].**

JKM telah melaksanakan tindakan **Pemantauan Pematuhan Terhadap SOP Pencegahan Penularan Jangkitan COVID-19 di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan** yang berdaftar bagi memastikan kesemua premis tersebut beroperasi dengan baik dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

Dari Januari 2021 hingga 5 Julai 2021, sebanyak 1,316 pemantauan telah dilakukan dengan 728 adalah pemantauan ke atas TASKA dan baki 588 adalah pemantauan ke atas pusat jagaan. Hasil pemantauan menunjukkan 17 buah TASKA dan 28 buah pusat jagaan tidak mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Maklumat berkaitan pemantauan ini dikemukakan secara harian kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tindakan lanjut.

JKM juga tidak berkompromi ke atas TASKA dan Pusat Jagaan yang tidak mematuhi standard minimum yang ditetapkan bawah Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506], Justeru, sebanyak 63 tindakan penguatkuasaan seperti Arahan Bertulis, Kompaun dan Pembatalan Perakuan ke atas TASKA dan pusat jagaan telah dikenakan sepanjang 2021.

ii. PELANTIKAN DIBAWAH AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN PENYELUDUPAN MIGRAN

Bagi memastikan JKM sentiasa memberikan penyampaian perkhidmatan dengan lebih berkesan kepada kumpulan sasar, sehingga Julai 2021 seramai 498 orang pegawai telah dilantik bawah Akta

AntiPemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007 (ATIPSOM) dan 795 orang Penasihat Mahkamah telah dilantik.

iii. **PERMOHONAN BAKUL PRIHATIN NEGARA**

Bakul Prihatin Negara merupakan hasil cetusan idea daripada YAB Perdana Menteri sendiri sebagai tindak balas proaktif terhadap senario yang dihadapi oleh rakyat pada masa ini yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Inisiatif ini merupakan kerjasama strategik berkonsepkan “*Whole of Society*” melibatkan Kerajaan dan syarikat korporat dengan pelaksanaan penyampaian bantuan oleh Sukarelawan Skwad Prihatin Negara di bawah kendalian Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Bakul Prihatin Negara, yang merupakan nilai tambah kepada Program Bantuan Bakul Makanan yang telah diluluskan oleh Kerajaan sebagai inisiatif Prihatin Rakyat yang telah diumumkan sebelum ini termasuk di bawah Pakej Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) dan Pelan

Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

YAB Perdana Menteri telah membuat tinjauan ke pusat penyimpanan dan agihan Bakul Prihatin Negara di Kompleks Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada 15 Julai 2021. Dalam tinjauan ini, YAB Perdana Menteri turut menerima sumbangan bernilai RM16 juta daripada lima (5) syarikat korporat untuk menjayakan program Bakul Prihatin Negara. Sumbangan daripada sektor korporat untuk Bakul Prihatin Negara disalurkan menerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Sehingga 25 Julai 2021, **jumlah permohonan Bakul Prihatin Negara adalah sebanyak 318,513 (kumulatif) yang telah diterima oleh JKM.** Pengagihan Bakul Prihatin Negara kepada mereka yang tejejas dan memerlukan telah dilaksanakan mulai 16 Julai 2021. **Status terkini bilangan penerima Bakul Prihatin Negara yang telah dibuat pengagihan diseluruh Negara adalah sebanyak 15,145 (kumulatif) penerima dengan jumlah isirumah adalah seramai 54,150 orang.**

iii. **PEMBERIAN PROGRAM VAKSIN DI INSTITUSI WARGA EMAS**

Dalam memastikan kumpulan sasar dilindungi, **JKM telah bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi Program Vaksinasi di Institusi JKM. Sehingga 8 Julai 2021,** jumlah keseluruhan warga emas yang telah mendapat suntikan vaksin di bawah kendalian JKM adalah seramai **21,476 orang** menerusi perincian :

- a) **Institusi JKM** : 1,336 orang di 16 institusi;
- b) **PAWE** : 13,756 orang di 143 PAWE; dan
- c) **Pusat Jagaan Warga Emas** : 6,384 orang di 283 Pusat Jagaan Warga Emas.

iv. **PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH) YANG DIUMUMKAN OLEH YAB PM PADA 28 JUN 2021**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, **Perutusan Khas YAB Perdana Menteri bagi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) telah diumumkan pada 28 Jun 2021 yang lalu.** JKM telah mendapat mandat bagi mempelopori perkhidmatan kebajikan dan seterusnya membantu rakyat dalam menghadapi pandemik COVID-19 ini. Pakej PEMULIH yang diamanahkan kepada JKM adalah:

(a) **BANTUAN KHAS TASKA (PAKEJ PEMULIH)**

i. Bantuan ini bertujuan untuk :

(i) **membantu mengurangkan beban kos** yang ditanggung oleh pihak TASKA kerana tidak dapat beroperasi sepenuhnya dalam PKP; serta

(ii) **menampung kos penjagaan kebersihan** di TASKA bagi usaha mencegah penularan COVID-19 demi keselamatan kanak-kanak yang dihantar ke TASKA.

ii. **Bantuan Khas kepada pengusaha TASKA** sebanyak RM3,000 secara one off akan memanfaatkan 4,427 buah TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja dan TASKA Komuniti; manakala Bantuan Khas sebanyak

RM800 akan memanfaatkan 951 buah TASKA di Rumah dan melibatkan peruntukkan keseluruhan sebanyak RM14 juta.

(b) **BANTUAN KHAS GOLONGAN OKU (PAKEJ PEMULIH)**

i. Kerajaan bersetuju untuk memberikan bantuan kewangan sebanyak **RM500 seorang setiap bulan selama tempoh tiga bulan bagi individu OKU** yang hilang/tiada pekerjaan. Sebanyak RM30 juta diperuntukkan bagi memanfaatkan seramai 20 ribu orang OKU.

(c) **PROGRAM SUBSIDI TAMBANG PENGANGKUTAN OKU & WARGA EMAS BAGI PROGRAM IMUNISASSI COVID-19 KEBANGSAAN (PICK)**

ii. Di bawah inisiatif PEMULIH, program subsidi tambang pengangkutan ini merupakan **satu insentif kepada Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas yang memerlukan akses pengangkutan untuk ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV).**

iii. Peruntukan RM10 juta dijangka akan memberi manfaat kepada seramai 333,334 orang kumpulan sasar OKU dan warga emas.

iv. Tujuan pelaksanaan inisiatif ini adalah bagi **memenuhi keperluan kritikal rakyat melalui perkhidmatan e-hailing dan teksi di Malaysia** dan inisiatif ini dijangka dapat membantu mempercepatkan pencapaian imuniti kelompok dan seterusnya memacu pemulihan komuniti dan pembangunan semula ekonomi.

(d) **KEMBARA PRIHATIN NEGARA@KONGSI REZEKI**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyedari bahawa terdapat keperluan untuk menyantuni rakyat yang terkesan susulan daripada Pandemik COVID-19. Sehubungan itu, **Kembara Prihatin Negara@Kongsi Rezeki (KPN) telah dilancarkan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat pada 4 Julai 2021.**
12. Sejak Program Kembara Prihatin Negara dilancarkan pada 11 April 2021 yang lalu, sebanyak **2,324 program telah dilaksanakan di mana melibatkan 4,035 syarikat**

korporat dan NGO yang memberi sumbangan dan seramai 669,727 orang telah mendapat manfaat.

13. Usaha murni ini diharap dapat meringankan beban mereka yang sedang menghadapi saat sukar dan dapat meneruskan kelangsungan hidup.

VI. KEPANTASAN TINDAK BALAS JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT KEPADA KES-KES YANG TULAR

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Sepanjang pandemik COVID-19 bermula sehingga kini, ramai kumpulan sasar yang terjejas dan kesengsaraan mereka ini mendapat perhatian dan tular di media sosial dan portal-portal di internet. **Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pegawai dan kakitangan yang begitu prihatin dan pantas dalam menangani kes tular sebegini.** Antara kes yang tular dan mendapat perhatian media yang telah ditangani dengan cekap adalah:

- a. **KES LIMA (5) BERADIK YATIM PIATU DI PORT DICKSON**

Lima beradik yatim piatu yang kematian kedua ibubapa akibat jangkitan COVID-19 menerima Bantuan Kanak-Kanak sebanyak RM300 sebulan. Semasa lawatan, mereka diberikan Bantuan Segera RM300 dan Bakul Makanan.

b. KES KELUARGA BERLINDUNG DI BAWAH JAMBATAN LOKE YEW

Klien telah diberikan Tabung Bantuan Segera sebanyak RM300 dan Bakul Makanan bagi menampung keperluan harian klien. Hasil kolaborasi bersama agensi-agensi lain klien dan keluarga dipindahkan ke rumah transit Flat Seri Johor.

c. KES WANITA HAMIL DIPUKUL SUAMI SEHINGGA KOMA

Klien menerima bantuan bulanan sebanyak RM500 bermula Julai 2021. Kejadian telah berlaku di Larkin, Johor dan kini klien berada di Sendayan di jaga oleh adiknya.

d. KES PENDERAAN KANAK-KANAK OKU

Kanak-kanak telah diselamatkan dan dihantar semula ke Taman Sinar Harapan (TSH) dan pusat jagaan tersebut sudah disita.

e. KES PEMUZIK OKU TERJEJAS AKIBAT PANDEMIK COVID-19

Pemuzik diberikan bantuan kewangan RM500 sebulan untuk tiga (3) bulan berturut-turut menerusi Pakej Rangsangan Pemulihan Negara bagi OKU terjejas.

15. Saya menyeru dan memohon **agar semua pegawai dan kakitangan untuk memberikan sokongan dengan memberikan tanda 'like' kepada setiap paparan di semua media sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat.** Semoga usaha Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menyampaikan perkhidmatan kebajikan terus relevan dalam memastikan kesejahteraan rakyat.

VII. STATUS PERJAWATAN DAN PENGAMBILAN BAHARU JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Hadirin yang dikasihi sekalian,

16. Pengurusan Tertinggi JKM sedia maklum pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh kakitangan sama ada di peringkat negeri dan daerah dalam tempoh pandemik ini. **Beban tugas kakitangan juga semakin meningkat kerana Kerajaan telah menyenaraikan kebajikan dan bantuan kemanusiaan sebagai senarai perkhidmatan yang perlu** (item 5 Perkhidmatan Perlu, Jadual Peraturan 3).
17. Perjawatan terkini di JKM **sehingga Jun 2021 adalah sebanyak 7,077 perjawatan. Pengisian berjumlah 6,626 perjawatan manakala kekosongan adalah sebanyak 451 perjawatan.**
18. Ketika ini **pengambilan baharu pegawai tetap di JKM telah dan sedang dijalankan bermula dari Januari 2021.** Jumlah keseluruhan pegawai baharu tetap yang telah diambil adalah seramai 112 orang yang terdiri daripada pelbagai gred seperti:

- a. Pemandu Kenderaan;
- b. Pembantu Operasi;
- c. Pembantu Penyelia Asrama;
- d. Pembantu Tadbir (Kewangan);
- e. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi);
- f. Pembantu Pembangunan Masyarakat (Gred S19);
- g. Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat (Gred S29); dan
- h. Pegawai Pembangunan Masyarakat (Gred S41).

19. Seterusnya **pengambilan baharu pegawai kontrak di JKM telah telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada 1 Mac dan 1 April 2021**. Perjawatan kontrak yang telah diambil adalah kakitangan **Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 seramai 37 orang**.
20. Sebagai makluman, pengambilan **224 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29** untuk berkhidmat sebagai Pelindung dan Pegawai Akhlak di seluruh negara sedang berlangsung.
21. Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada pegawai pengurusan JKM yang telah dinaikkan pangkat dan

akan berpindah kerana pertukaran. Tahniah ditujukan kepada:

- a. **En Shaballah bin Zainal Abidin** yang telah bertukar ke **JKM Negeri Kedah**;
- b. **Puan Hezleen binti Hassan** yang telah bertukar ke **Bahagian Warga Emas**; dan
- c. **Puan Wan Zarina binti Wan Salleh** yang **dinaikkan pangkat** dan bertugas di **Bahagian Kawalan Standard**.

Pertukaran ini telah berkuatkuasa mulai 19 Julai 2021.

VIII. PENANGGUHAN PERJALANAN KE LUAR NEGARA SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK COVID-19

Sidang hadirin yang dihormati,

21. Sebagai langkah kawalan untuk menangani penularan wabak COVID-19, **Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat bertarikh 15 Julai 2021 telah mengarahkan semua Kementerian/ Jabatan/ Agensi kecuali**

Kementerian Luar negeri (KLN) menangguhkan semua perjalanan/ pergerakan ke luar negara berkuat kuasa serta-merta sehingga 31 Disember 2021 bagi program/ aktiviti seperti berikut:

- (i) penyertaan dalam semua program latihan/ kursus/ seminar/ pameran/ lawatan ke luar negara yang tidak kritikal; dan
- (ii) pertukaran pegawai dan kumpulan pelaksana yang sedang berkhidmat di semua pejabat perwakilan Malaysia di luar negara.

22. Walau bagaimanapun, perjalanan ke luar negara bagi tujuan latihan/ kursus/ seminar/ pameran dibenarkan bagi keadaan seperti berikut:

- (i) permohonan yang telah mendapat kelulusan khas MOF sebelum tarikh surat ini (15 Julai 2021);
- (ii) pergerakan yang tidak boleh ditangguhkan atas sebab yang kritikal dan boleh menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan negara luar; dan

- (iii) pegawai mematuhi semua prosedur dan protokol berkaitan pengurusan COVID-19 termasuk telah divaksinasi dan menjalani tempoh kuarantin yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.

IX. MESYUARAT KHAS PENGGAL KETIGA PARLIMEN KEEMPAT BELAS

Hadirin yang dikasihi,

22. Ingin dimaklumkan di sini, Mesyuarat Khas Penggal Ketiga Parlimen Keempat Belas akan mula bersidang pada 26 Julai 2021 hingga 5 Ogos 2021. Surat bertarikh 19 Julai 2021 daripada Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia menyatakan semua Ahli Parlimen, pegawai dan kakitangan Parlimen Malaysia, para pegawai Kerajaan serta hadirin yang akan memasuki kompleks Parlimen **perlu menjalani ujian saringan COVID-19 sekali sahaja dengan menggunakan kaedah PCR.**

X. KETETAPAN PENGGUNAAN NAMA RASMI ANGGOTA PENTADBIRAN DALAM DOKUMEN RASMI KERAJAAN

Hadirin yang dihormati,

24. Merujuk kepada surat YBhg. Tan Sri KSN bertarikh 15 Julai 2021, adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Julai 2021, semua anggota pentadbiran iaitu YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, Menteri Persekutuan, Timbalan Menteri Persekutuan dan Setiausaha Politik **hendaklah menggunakan nama sebenar seperti mana di dalam kad pengenalan (MyKad) masing-masing bagi semua dokumen rasmi yang dibuat atas nama atau ditandatangani oleh anggota pentadbiran berkenaan yang mempunyai kesan perundangan, terutamanya peraturan atau perintah yang dibuat di bawah kuasanya atau mana-mana undang-undang yang disiarkan dalam Warta.**

25. Sehubungan itu, saya mohon kerjasama semua pihak khususnya pegawai untuk memastikan perkara ini dipatuhi.

XI. HARAPAN

Sidang hadirin yang dihormati,

26. Tahun ini adalah tahun kedua negara dan dunia dilanda pandemik COVID-19, saya ingin menyeru semua pegawai

dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat selaras dengan saranan Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia pada awal tahun 2021 yang lalu, supaya kita sebagai **penjawat awam terus memperkukuhkan azam, memperteguh iltizam dan memantapkan ikhtiar kita untuk bersama-sama berubah dan mengubah perkhidmatan awam kepada perkhidmatan yang dihormati, disegani, diteladani kerana kepantasan perkhidmatannya, integritinya dan profesionalisme.**

27. **Harapan saya untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah sangat tinggi untuk melihat Jabatan menjadi tonggak utama ke arah profesionalisme perkhidmatan kebajikan dan kerja sosial.** Pegawai dan kakitangan diharapkan mempunyai keberanian dan kendiri dalam membawa perubahan dalam era Revolusi Industri 4.0 yang semakin mencabar dalam menyampaikan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran. Gunakanlah kepakaran yang ditimba daripada pengalaman lalu untuk sentiasa menambah baik perkhidmatan dalam memperkasa kumpulan sasaran supaya mampu bersaing dalam dunia digital yang semakin mencabar.

XII. PENUTUP

Sidang hadirin yang dikasihi,

28. Di kesempatan ini, **saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya terhadap komitmen dan kesungguhan semua pegawai dan kakitangan Jabatan berikan sepanjang bermulanya pandemik COVID-19 ini pada tahun 2020 sehingga ke hari ini.** Teruskan tekad dan semangat padu yang ditunjukkan dalam mengekalkan prestasi kerja yang produktif dan progresif.
29. Semoga setiap apa yang dilakukan akan sentiasa mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahuwataala.
30. Sekalung tahniah dan terima kasih tidak terhingga jugak kepada pihak urus setia dalam memastikan kelangsungan Perhimpunan Bulanan JKM dan Majlis pada hari ini.
31. Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.